



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MBSP

TARIKH / MASA / TEMPAT

11 MEI 2023 (KHAMIS)

11.00 PAGI

**LOBI MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan
Kerajaan Persekutuan dan Negeri**

Warga Kerja MBSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Ramadhan Barakah Pasti Dirindui,

Moga Amalan Diterima Ilahi,

Syawal Menjelma Sama Dirai,

Dengan Ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri

1. Syukur Alhamdulillah, di atas kejayaan kita semua dalam menunaikan ibadah puasa dan dapat menempuh pelbagai ujian dan dugaan sepanjang bulan Ramadhan Al-Kareem.

2. Terima kasih semua tetamu yang hadir yang terdiri daripada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Negeri Pulau Pinang, Ketua-Ketua Jabatan Agensi Kerajaan dan Swasta, rakan-rakan strategik MBSP, rakan-rakan media dan seluruh keluarga MBSP. Saya dimaklumkan lebih kurang 2000 tetamu yang hadir ke majlis ini. Terima kasih semua.

3. Sambutan Hari Raya Aidil Fitri atau Eid-Mubarak amatlah bermakna kepada semua umat Islam kerana ianya membawa kemenangan secara batiniah dan rohaniah.
 4. Bagi meraikan kemenangan dalam kita menjalani ibadah puasa, semangat keluarga MBSP tidak terlepas daripada meraikan kemenangan ini bersama-sama di bulan Syawal ini selain menyambutnya bersama keluarga, rakan-rakan dan insan yang tersayang. MBSP tidak terkecuali untuk meraikan bersama-sama semua barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ketua-ketua jabatan agensi kerajaan dan swasta, rakan-rakan strategik MBSP, rakan-rakan media dan seluruh keluarga MBSP.
 5. Sambutan Hari Raya ini juga amat bermakna bukan hanya bagi umat Islam malah bagi yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana, ianya merupakan peluang untuk rakyat kita yang berbilang kaum, agama dan budaya dapat bersama-sama berkongsi keceriaan, budaya dari sudut pakaian, makanan, adat resam dan lain-lain. Ciri keterangkuman menjadikan kita menghayati sambutan perayaan ini melalui silaturrahim sesama kaum dan dapat menyuntik semangat saling hormat menghormati dan bersatu padu.

6. Pelbagai menu juadah disediakan (19 menu) dan menu yang menarik pada tahun ini ialah kambing golek. MBSP begitu berbesar hati dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas sumbangan peribadi oleh Ahli Majlis kita iaitu Encik Tan Chee Teong dan mantan ahli majlis kita iaitu Encik Tan Chong Hee yang telah menaja tujuh (7) ekor kambing golek. Terima kasih juga kepada PUSPANITA MBSP kerana telah menaja Pak Tongko @cakoi dalam jamuan Hari Raya kali ini.
7. Terima kasih kepada Pihak Jabatan Khidmat Pengurusan sebagai penyelaras kepada Majlis Jamuan Raya Aidilfitri MBSP tahun 2023 serta jabatan-jabatan lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.
8. Hiasan dalaman dan photo booth- Tahniah kepada Jabatan Lanskap, bangunan, perbandaran dan kejuruteraan di atas hiasan dan aksesori-aksesori hiasan yang menarik.
9. Terima kasih kepada semua kakitangan termasuk wira oren dalam menjayakan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MBSP bagi tahun 2023.

10. Dalam keseronokan menyambut syawal , jangan dilupa tugas-tugas hakiki dan utama untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Laksanakan tugas berlandaskan prinsip ABC (Amanah, Betul dan Cepat) dan kita akan pastikan MBSP akan terus mengorak langkah untuk menjadi lebih cemerlang di masa hadapan dengan Misi dan Visi baru MBSP iaitu Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar serta menawarkan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan berkesan dan proaktif kepada kehendak komuniti Seberang Perai berlandaskan prinsip Amanah, Betul dan Cepat.

11. Saya tidak ingin bercakap panjang, hanya apa yang saya ingin ucapkan di sini ialah:

Dalam Kerendahan Hati, Ada Ketinggian Budi,
Dalam Kemiskinan Harta, Ada Kekayaan Jiwa,
Dalam Kelembutan Lidah, Ada Keterlanjuran Kata,
Dalam Gurau Dan Senda, Tentu Ada Khilaf dan Dosa,
Mohon Ampun dan Maaf di atas Segalanya,
Selamat Hari Raya.

12. Selamat Menjamu Selera

**Sekian, terima kasih. *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***